

Penganjur himpunan penunggang motosikal pikul amanah taklifi

Amanah moral untuk memastikan program tidak membawa mudarat yang dapat dijangka

Oleh Latifah Arifin

latifah@bh.com.my

Isu berkaitan penganjuran Himpunan RXZ Members 8.0 yang berlangsung di Terengganu minggu lalu masih hangat dipertutakan, malah banyak pihak tampil dengan pelbagai teguran terutama mempersoalkan isu keselamatan berikutan jumlah kematian dalam kalangan peserta meningkat berbanding penganjuran terdahulu.

Bagaimanapun, sebahagian peminat yang terbabit dalam komuniti permotoran menyangkal dakwaan program sedemikian membawa lebih banyak keburukan, sebaliknya menyifatkan kecelakaan boleh berlaku di mana-mana sahaja dan berpandangan tidak sepatutnya penganjur atau keseluruhan acara itu dipersalahkan.

Malah, ada yang naik berang apabila ada pihak meminta program terbabit dihentikan untuk tahun akan datang.

Mengikut syarak, tidak ada halangan bagi sukan permotoran atau konvoi, selagi tidak menyalahi undang-undang, tiada unsur maksiat dan memberi implikasi negatif seperti aktiviti berlumba secara haram, pemanduan laju dan membahayakan dan membabitkan penggunaan dadah atau bahan terlarang.

Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim, berkata menurut Islam, penganjur bukan sekadar 'penghimpun acara' tetapi memikul tanggungjawab amat besar dan berat termasuk memastikan keselamatan semua peserta yang menyertainya.

"Penganjur adalah pihak yang memikul amanah taklifi, iaitu kewajipan dan tanggungjawab agama wajib dilaksanakan setiap Muslim akil baligh. Mereka juga ada amanah moral untuk memastikan program tidak membawa mudarat yang dapat dijangka.

"Jika aktiviti itu membabitkan risiko munasabah dan boleh dijangka, seperti konvoi besar-besaran berpotensi mengganggu keselamatan jalan raya, maka tanggungjawab penganjur menjadi lebih berat, bukan lebih ringan," katanya kepada BH Agama.

Mengikut Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 46 kemalangan jalan raya membabitkan penunggang motosikal direkodkan sepanjang

empat hari penganjuran Program RXZ Members 8.0 termasuk 11 kemalangan maut.

Ia menunjukkan berlaku peningkatan kes kematian berbanding lima kematian direkodkan pada tahun lalu, membabitkan peserta ketika dalam perjalanan pergi dan pulang dari himpunan RXZ Members di Gong Badak, Terengganu.

Menolak atau mencegah kemudaratan

Zamri berkata, kaedah fiqh menuntut dua perkara, iaitu saddu az-zara'i' atau 'menutup pintu dan jalan yang boleh membawa kepada kemudaratan atau perbuatan haram' dan daf'u darar bermaksud menolak atau mencegah kemudaratan mahupun bahaya.

Justeru katanya, jika penganjur sudah mengambil semua langkah munasabah bagi mengelakkan sebarang kecelakaan termasuk kemalangan di jalan raya, namun insiden berlaku secara luar jangka, maka dosa dan tanggungjawab mungkin lebih tertumpu pada pelaku atau faktor takdir tidak dapat dielak.

"Namun, jika penganjur cuai tidak meletakkan kawalan atau menilai risiko dan menggalakkan tingkah laku berbahaya, maka penganjur boleh dipersalahkan dari sudut syarak dan amanah.

"Begitu juga jika penganjur mengetahui ada budaya berbahaya dalam acara itu tetapi tetap meneruskan tanpa melakukan sebarang penambahbaikan, maka alasan mereka tidak wajar dipersalahkan, menjadi sangat lemah," katanya.

Ditanya pendirian sebahagian penggemar konvoi motosikal melihat aktiviti sedemikian hanya sekadar hobi dan tidak wajar dipolemikkan, jelas Zamri, setiap umat Islam masih tertakluk kepada hukum nyawa.

Jelasnya, hobi berisiko seperti konvoi motosikal jarak jauh pada dasarnya harus, tetapi hukumnya boleh berubah menjadi haram jika membabitkan bahaya yang nyata, kecuai, melanggar undang-undang atau membahayakan diri serta orang lain.

"Prinsipnya ialah menjaga nyawa itu tuntutan syarak dan sesuatu hobi mesti dinilai pada cara pelaksanaannya, bukan semata-mata pada nama hobinya.

"Islam tidak melarang semua aktiviti berisiko secara mutlak, jika ada



kemahiran, latihan, langkah keselamatan dan sangkaan kuat bahawa peserta selamat.

"Jika tidak, ia termasuk kecuai dilarang. Ungkapan 'di mana-mana pun boleh mati' benar dari segi akidah, tetapi ia bukan alasan untuk sengaja mendedahkan diri kepada bahaya," katanya yang turut menasihatkan umat Islam supaya tidak ghairah dan mudah terikut-ikut dengan aktiviti yang sedang trending dan mendapat perhatian ramai.

Tegasnya, umat Islam dituntut menilai sesuatu dengan ilmu, masalah dan keselamatan bukan dengan emosi ikut-ikutan atau bimbang ketinggalan daripada mengikuti trend semasa.

Sementara itu, Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, berkata apa yang menjadi kebimbangan masyarakat berhubung penganjuran aktiviti permotoran itu adalah tingkah laku segelintir peserta yang menjadikan konvoi sebagai medan berlumba, membabitkan aksi berbahaya dan melanggar undang-undang.

Katanya, ini juga boleh menjadikan hukum asal konvoi motosikal iaitu harus boleh berubah kepada makruh atau haram mengikut kadar kemudaratannya.

"Ini yang dibimbangi apabila

berlaku perbuatan mengancam nyawa sendiri dan orang lain.

"Justeru, jika konvoi diurus secara berdisiplin, mematuhi undang-undang, menjaga keselamatan dan tidak mengganggu masyarakat, hukum asalnya kekal harus.

"Sebaliknya, jika ia menjadi punca kemudaratan dan kehilangan nyawa, maka hukum itu berubah selaras dengan prinsip fiqh yang menitikberatkan pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs), salah satu daripada objektif utama maqasid syariah," katanya.

Pada masa sama, tegasnya, penganjur perlu memastikan setiap program mempunyai kawalan keselamatan baik, termasuk mengadakan taklimat keselamatan, bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menyediakan laluan selamat dan memastikan pengurusan keseluruhan acara diurus secara profesional dengan meneliti bukan sahaja manfaat tetapi setiap kemudaratan mungkin berlaku.

"Saya juga berharap masyarakat tidak meng-hukum seluruh komuniti RXZ atau peminat motosikal hanya kerana tindakan segelintir individu yang tidak bertanggungjawab.

"Ramai penunggang berdisiplin, mematuhi undang-undang dan menjadikan konvoi sebagai medium ukhuwah serta aktiviti sosial yang positif," katanya.

Penganjur perlu memastikan setiap program mempunyai kawalan keselamatan baik, termasuk mengadakan taklimat keselamatan, bekerjasama dengan pihak berkuasa. (Foto hiasan)



Islam tidak melarang semua aktiviti berisiko secara mutlak, jika ada kemahiran, latihan, langkah keselamatan dan sangkaan kuat bahawa peserta selamat"

Zamri Hashim



Ramai penunggang berdisiplin, mematuhi undang-undang dan menjadikan konvoi sebagai medium ukhuwah serta aktiviti sosial yang positif"

Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim